AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA


ELAUN Khas Covid-19 untuk petugas barisan hadapan KKM berjumlah RM275 juta. – GAMBAR HIASAN

# KKM belanja RM1.16 bilion tangani Covid-19

**PETALING JAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) membelanjakan sebanyak RM1.167 bilion sehingga 31 Oktober lalu dalam usaha menangani pandemik Covid-19 di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, angka itu melebihi jumlah peruntukan disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada KKM iaitu sebanyak RM1 bilion.

Menurut beliau, sebahagian besar daripada perbelanjaan itu termasuk bayaran Elaun Khas Covid-19 kepada petugas barisan hadapan KKM berjumlah RM275 juta.

"KKM telah membelanjakan RM1.17 bilion. Ini termasuk peruntukan sedia ada kementerian bagi pembelian peralatan, bekalan perubatan, barangan pakai habis (consumables), kelengkapan perlindungan diri (PPE), reagen dan kit ujian serta lain-lain perkhidmatan.

"Peruntukan tersebut digunakan untuk untuk semua fasiliti KKM termasuk hospital, klinik kesihatan dan klinik pergigian," katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Wan Hassan Mohd Ramli **(Pas-Dungun)** tentang perbelanjaan KKM dalam menangani pandemik Covid-19 sejak 18 Mac sehingga 31 Oktober 2020.

Mengulas lanjut, Aaron Ago berkata, perbelanjaan lain termasuk pembelian kelengkapan perlindungan diri (PPE) berjumlah RM262 juta serta pembelian reagen dan kit ujian serta bayaran *outsource* perkhidmatan makmal swasta untuk ujian saringan Covid-19 berjumlah RM210 juta.

Jelas beliau, jumlah itu tidak termasuk bayaran emolumen petugas kesihatan yang terlibat dalam rawatan, kawalan dan pencegahan wabak Covid-19.